

CACING NAIK KE MATA

KESAN BAIK EMOSI YANG TENANG – PART 4

TIPS KEHAMILAN: KESAN BAIK EMOSI YANG TENANG – PART 4

ULASAN KHUSUS MINGGUAN WANITA TENTANG TIPS PARENTING AIP

LIVE – Pengasas AIP di BNC TV

SIARAN LANGSUNG PENGASAS AKADEMI INSAN PRIHATIN (AIP) DI
BERNAMA NEWS CHANNEL TV.

TIPS KEHAMILAN: KESAN EMOSI IBU TERHADAP KECACATAN BAYI – PART 3

TIPS KEHAMILAN: KESAN EMOSI IBU TERHADAP KECACATAN BAYI – PART 3

KESAN EMOSI IBU TERHADAP BAYI – PART 2

TIPS KEHAMILAN: KESAN EMOSI IBU TERHADAP BAYI – PART 2

TIPS KEHAMILAN: KAITAN IBU MENGANDUNG & PERTUMBUHAN ANAK : PART 1

KAITAN IBU MENGANDUNG & PERTUMBUHAN ANAK : PART 1

**Saiful Nang di program Nine11
Bernama News Channel (BNC)**

SOKONGAN BUAT WARGA GURU

TIPS MENCEGAH ANAK JADI DEGIL

**TIPS MENANGANI ANAK YANG
DEGIL**

**APA YANG TIDAK KENA DENGAN
USTAZ AUNI? APA HUBUNGANNYA
DENGAN RPWP?**

**TIPS MEMBENTUK KETAKWAAN ANAK
ISTERI**

**TIPS DOA BAPA YANG BERKESAN
UNTUK ANAK**

**PENGARUH LINGKUNGAN DAN PACK
LEADER TERHADAP SAHSIAH ANAK-
ANAK**

**APA ADA DALAM MINDA KITA
MELIHAT FOTO & MEMBACA BERITA
INI?**

**Kanak-Kanak Memerlukan
Microb, Bukan Antibiotik**

**Kanak-Kanak Memerlukan
Microb, Bukan Antibiotik**

Oleh [Neux](#) pada [17 Jun 2017](#) kategori [kesihatan](#)



Sebagai ibu bapa, adalah penting untuk memastikan persekitaran anak-anak kita terutamanya bagi anak yang masih kecil agar sentiasa bersih. Namun begitu, tahukah anda bahawa persekitaran yang **'terlampau bersih'** sebenarnya tidak elok untuk sistem imunisasi kanak-kanak?

Benar.

Ibu bapa di barat terutamanya, gemar menggunakan sabun antibakteria, hand sanitizer dan seangkatan dengannya untuk yang bukan sahaja membunuh bakteria tetapi juga microb yang penting untuk membentuk sistem imunisasi kanak-kanak.



Tanpa microb ini kanak-kanak tidak beruapa meningkatkan sistem imunisasi badan mereka, seterusnya mendedahkan mereka kepada penyakit-penyakit kronik seperti asma. Perkara ini diakui oleh Marie-Clairie Arrieta, seorang pakar mikrobiologis dan salah seorang penulis buku *Let Them Eat Dirt: Saving Our Children from an Oversanitized World*.

Kajian di lab selama beberapa tahun juga menunjukkan bahawa microb sangat diperlukan pada peringkat awal pertumbuhan manusia (iaitu pada zaman kanak-kanak) untuk membentuk sistem imunisasi yang kuat. Pada peringkat awal kehidupan, badan kita tidak mempunyai sistem imunisasi yang kuat. Microb yang ada pada tubuh badan kita akan menghasilkan sejenis molekul yang akan berinteraksi dengan *immune cell* yang ada pada badan, seterusnya 'melatih' sel tersebut untuk menangkis ancaman daripada sel yang dihasilkan oleh microb tersebut.

Fakta in disokong juga oleh bukti epidemiologikal mengapa kanak-kanak yang tinggal di ladang atau kawasan luar bandar

kurang mendapat penyakit kronik seperti asma berbanding kanak-kanak yang tinggal di bandar. Ini berbeza dengan kehidupan kanak-kanak di bandar.



Kajian yang dilakukan juga mendapati peningkatan jumlah penghidap penyakit kronik seperti asma, obesiti dan alergic adalah selari dengan gaya hidup manusia kini yang 'terlalu' mementingkan kebersihan sehingga menghalang pendedahan anak-anak kepada microb yang penting untuk membina imunisasi badan mereka pada peringkat awal.

Jadi bagi ibu bapa, sekiranya anak-anak anda gemar bermain di luar, biarkan! Selain penting untuk melatih sensori dan motor pergerakan anak-anak, ianya juga penting untuk meningkatkan sistem imunisasi mereka.

Kredit: [The Star](#)

Juvenile rapist, pendedahan oleh doktor Wawa

Baru-baru ini di tengah-tengah kesibukan klinik, ada seorang budak lelaki berumur lingkungan 5 tahun berlari-lari di ruang menunggu. Bukan berlari saja-saja, tetapi berlari sambil mengejar punggung wanita dewasa untuk dicubit atau diramas.

Ibu bapa budak itu hanya tertawa memerhatikan keletah anak mereka. Memandangkan tiada sesiapa yang menghalang budak itu, saya terpaksa bertindak menegur budak itu dan 'sound' ibu bapanya.

"Adik, adik lelaki tau. Tak boleh pegang-pegang punggung orang perempuan macam tu," tegas saya.

Dan panjang lebar juga saya beri parenting education kepada ibu bapa budak berkenaan.

Kenapa saya marah?

Selain kes pedophilia dan sumbang mahram, juvenile rapists adalah satu lagi bala yang wujud di Malaysia. Mudah kata, Juvenile Rapists adalah perogol yang berumur bawah 18 tahun.

Main Kahwin-Kahwin

Lebih kurang dua tahun lalu, ketika saya dimasukkan ke wad (sewaktu mengandung), saya sempat bersembang dengan seorang pesakit yang juga bekerja sebagai guru tadika.

"Doktor, kalau hantar anak pergi taska, tadika atau pengasuh, balik rumah kena periksa fizikal anak-anak. Budak-budak zaman sekarang lain sikit," katanya membuatkan saya berdebar. Apalah yang dia mahu ceritakan ini.

Dia pun menceritakan pengalamannya menjaga budak di tadika. Ada dua beradik perempuan ini, seorang berumur 6 tahun dan

adiknya berumur 4 tahun. Satu hari, cikgu tadika ternampak dua beradik bersama seorang lagi budak lelaki berumur 6 tahun bermain di bawah meja makan. Si kakak suruh budak lelaki tadi buka seluar dan duduk di atas anaknya.

“Eh? Buat apa ni?!” terkejut si cikgu melihat kejadian itu.

“Kitorang main kahwin-kahwin,” si kakak menjawab tanpa rasa takut atau bersalah.

Dengan tenang, cikgu itu duduk bersebang dan bertanyakan lebih lanjut pada si kakak.

“Kakak, hari ini teacher hantar balik ye. Nanti kakak cerita mana kakak belajar main kahwin-kahwin,” katanya.

Petang itu, si kakak bercerita yang dia seringkali diajak bermain ‘kahwin-kahwin’ dengan jiran lelaki berusia 12 tahun. Si kakak pun menunjukkan kawasan semak di tempat dia bermain. Dia juga menceritakan secara terperinci setiap ‘langkah-langkah’ yang menjengkelkan dalam permainan itu. Saya tak mahu cerita dengan lanjut.

“Selepas main, kakak selalu dapat aiskrim. Tetapi abang A tak bagi kakak beritahu mak sebab takut mak marah,” katanya.

Hal itu dimaklumkan kepada ibu dua beradik itu, malangnya tiada tindakan yang diambil.

Sudah ramai Juvenile Rapists di Malaysia terutama sekali pelajar sekolah menengah. Tak sempat untuk saya ceritakan kesemuanya.

Cuma, hal ini tidak mendapat liputan. Juvenile Rapist yang paling muda saya pernah encounter berumur 6 tahun (budak tadika). Kebanyakan yang lain pelajar sekolah menengah.

Sepanjang saya bekerja di Mesir dulu, tidak pernah saya jumpa perkara seperti ini. Mungkin sebab budak-budak di sana disibukkan dengan hafazan Al-Quran dan mereka tidak terlalu

terdedah dengan gajet.

Zaman sudah berubah, anak-anak kita sedang berisiko terdedah dengan perkara-perkara ganas dan lucu di media-media. Ibu bapa perlu mengawal apa yang ditonton, dimain dan pergaulan anak-anak.

Anak perempuan perlu diajar sifat malu, manakala anak lelaki perlu diajar melindungi dan menghormati perempuan.

Jadilah teman paling rapat dengan anak-anak. Temankan mereka bermain, bercerita, bermanja. Maaf sekiranya post ini mengganggu mood hujung minggu anda. Sekian.

– Doktorah Wawa –

KISAH JUTAWAN YANG MENFAKIRKAN DIRI

JUTAWAN INI SERAHKAN SELURUH KEKAYAANNYA UNTUK BUKA RUMAH KEBAJIKAN YANG TIDAK MEMINTA DERMA. SELEPAS 11 TAHUN ANAK-ANAK YATIM JAGAANNYA MENJUMPAI KERATAN AKHBAR INI DAN...

ANTARA DUA DARJAT – KISAH

ANAK MAKAN LAUK GARAM